

37 penyelam bantu lepaskan pukat tersangkut

BINTULU, 6 Sept - Sekumpulan 37 penyelam yang diperakui menyambung tugas mereka hingga untuk melepaskan pukat yang tersangkut di kawasan Terumbu Karang Patricia, kira-kira 12 batu nautik dari pantai Bintulu.

Kumpulan penyelam itu juga yang terdiri daripada tiga wanita berjaya melepaskan sebahagian daripada pukat yang tersangkut itu semalam.

Semalam satu kempen membersihkan pantai secara besar-besaran melibatkan 200 orang berlangsung di Taman Negara Similajau di sini.

Aktiviti berkenaan adalah sebahagian daripada projek keduapembersihan pantai dan terumbu karang BEACON (Biodiversiti, Alam Sekitar dan Pemuliharaan) oleh Malaysia LNG Sdn Bhd (MLNG), Jabatan Perhutanan Sarawak dan masyarakat tempatan.

Menurut Pengurus Besar (Operasi) MLNG, Bita Ata berkata BEACON menyasarkan untuk menyemai minat positif dalam kalangan rakyat untuk memainkan peranan mereka melindungi dan memelihara persekitaran mereka bebas daripada pencemaran menerusi pembuangan sampah sewenang-

wenangnya.

Beliau berkata sebahagian besar daripada usaha BEACON adalah melepaskan 1,500 unit tukun tiruan di pesisir pantai Bintulu sejak 2013.

Beliau berkata projek ini adalah untuk mewujudkan laluan selamat untuk penyu hijau (*Chelonia mydas*) mendarat di pantai untuk bertelur atau berehat semasa penghijrahan mereka dari Filipina, Indonesia dan negara-negara lain (menerusi pantai Sabah dan Sarawak).

Bita berkata tukun tiruan itu juga adalah sebagai tempat perlindungan selamat untuk ikan dan ikan lumba-lumba serta lain-lain ikan yang berlindung di sana.

MLNG telah memperuntukkan RM4.6 juta untuk projek BEACON selama lapan tahun sejak 2013, katanya.

Pada tahun hadapan, beliau berkata komponen kedua projek BEACON mengenai Pemuliharaan, Pendidikan, Promosi dan Kesedaran (CEPA) akan bermula.

"Kami mempunyai bangunan baharu di Taman Negara Similajau bagi tujuan ini dan ia dijangka siap pada tahun hadapan.



Seramai 37 penyelam yang diperakui mengambil bahagian dalam aktiviti pembersihan terumbu karang dan pantai LNG (Gas Asli Cecair) Kedua Malaysia Sdn Bhd dan Jabatan Perhutanan Sarawak di Taman Negara Similajau, Bintulu. - Bernama

CEPA adalah bagi menyemai keperluan umum, terutamanya generasi baharu mengenai keperluan melindungi alam

sekitar mereka dengan menghapuskan sumber pencemaran alam sekitar," katanya. - Bernama

Pelantikan baru MPP UNISSA



Gambar ramai ahli jawatankuasa MPP yang baru dilantik.



Haji Muhamad Nuralif (kanan) dilantik menjadi Yang Di-Pertua baru MPP.

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Sept - Haji Muhamad Nuralif bin Haji Talib dari Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam dipilih sebagai Yang Di-Pertua baru Majlis

Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA bagi sesi seterusnya selepas pembubaran MPP sesi 2014/2015 kelmarin.

Turut dilantik ialah Naib Yang Di-Pertua I, Awang Muhammad Arif bin Haji Johari dari fakulti yang sama sementara Naib Yang Di-Pertua II ialah Dayang Siti Julaiha binti Puasa dari Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Pembubaran dan pelantikan semula berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Hadir pada majlis itu ialah Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad. Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan UNISSA, tenaga-tenaga akademik, pegawai-pegawai, kakitangan sokongan, mahasiswa/i dan ahli MPP, Persatuan Pelajar, UNISSA.

MPP merupakan organisasi pelajar yang dibentuk melalui sistem demokrasi secara proses pemilihan. Ia dianggotai oleh mahasiswa dan mahasiswi UNISSA yang dikendalikan oleh Dekan Pelajar.

Selain tiga jawatan utama itu, calon-calon lain turut diumumkan untuk mengisi tujuh jawatan yang ada dalam MPP.

Masyarakat India rai Onam



Tuan Yang Terutama Dr Ashok Kumar Amrohi (empat dari kanan) beramah mesra dengan Sabu Kuttempoor.



Sebahagian daripada penari kanak-kanak memasuki dewan untuk mempersembahkan tarian mereka.

Oleh Abdul Rahim Haji Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Sept - Masyarakat India di Brunei yang berasal dari Kerala, Selatan India bagi memperingati penjelmaan Vamana kepada Vishnu dan kepulangan Maharaja Mahabali.

Katanya, perayaan itu disambut di seluruh Wilayah Kerala pada bulan Chingam (Ogos hingga September) selama 10 hari dan sepanjang tempoh itu pelbagai acara diadakan, antaranya seni membuat permaidani bunga, jamuan makan dan perlumbaan bot ular.

Pelbagai acara kebudayaan seperti nyanyian dan tarian oleh kanak-kanak dan penyampaian cenderahati diadakan untuk menghibur tetamu yang hadir.

merupakan perayaan yang disambut oleh masyarakat India yang berasal dari Kerala, Selatan India bagi memperingati penjelmaan Vamana kepada Vishnu dan kepulangan Maharaja Mahabali.

Katanya, perayaan itu disambut di seluruh Wilayah Kerala pada bulan Chingam (Ogos hingga September) selama 10 hari dan sepanjang tempoh itu pelbagai acara diadakan, antaranya seni membuat permaidani bunga, jamuan makan dan perlumbaan bot ular.

Pelbagai acara kebudayaan seperti nyanyian dan tarian oleh kanak-kanak dan penyampaian cenderahati diadakan untuk menghibur tetamu yang hadir.